



## Mesyuarat Pentauliahlan PALAPES Di UMS Diadakan Dengan Jayanya

**SERAMAI** 60 orang Ahli Lembaga Penasihat Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) telah bermesyuarat di Universiti Malaysia Sabah (UMS) sempena Majlis Istiadat Pentauliahlan PALAPES IPTA yang dijadual diadakan di UMS pada Jun depan.

Mesyuarat tersebut yang diadakan pada 9 Januari bertempat di Bilik Mesyuarat Eksekutif Bangunan Canselori turut dihadiri oleh Panglima Latihan Tentera Darat, Mejar Jeneral Datuk Mazelan Kasap. Terdahulu, pada Majlis Makan Malam sempena mesyuarat tersebut, Naib Canselor merangkap Komandan PALAPES UMS, Kepten (K) Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah dalam ucapan aluannya berkata, kerjasama dan penglibatan semua pihak amat diharapkan dalam menjayakan acara-acara di peringkat nasional.

“Kehadiran datuk-datuk serta tuan-tuan sekalian sesungguhnya menyuntik lagi semangat kami dalam berusaha untuk menawarkan diri sebagai tuan rumah pada Istiadat Pentauliahlan PALAPES IPTA k-32 yang akan datang,” katanya.

Tambah beliau, UMS juga komited untuk menyediakan segala kemudahan-kemudahan yang berkaitan sekaligus berusaha untuk memastikan majlis pentauliahlan tersebut akan diadakan dengan jayanya.

Majlis Istiadat Pentauliahlan PALAPES tahun ini dijangka akan disempurnakan Seri Paduka Baginda Tuan Yang Di-Pertuan Agong, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah.



### SUARA SEPANGGAR

kini membuka ruang untuk pengiklanan. Sila hubungi talian **088-320855** atau emel ke **BPK@ums.edu.my** untuk tempahan dan maklumat lanjut.

